

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1995/96

Oktober/November 1995

PLG 402 - Sistem Pengajaran Sekolah Rendah

Masa : (3 jam)

Arahan: Jawab EMPAT soalan sahaja

1. Projek InSpire USM telah menggunakan pelbagai konsep untuk meningkatkan sistem pengajaran dan pembelajaran di sekolah rendah.
 - (a) Huraikan secara ringkas DUA konsep asas yang terkandung dalam Projek InSpire, USM
 - (b) Terangkan bagaimana konsep-konsep itu dapat membantu guru dan murid sekolah rendah dalam pengajaran dan pembelajaran.

(25 markah)

2. Huraikan DUA model pengajaran di bawah ini dan terangkan hubungannya dengan mod-mod pengajaran di sekolah rendah.
 - (a) model kawalan tingkahlaku (behaviour-control)
 - (b) model pembelajaran penemuan (discovery-learning)
 - (c) model rasional

(25 markah)

....2/-

- 2 -

3. Konsep pembelajaran ko-operatif (co-operative learning) adalah penting dalam sistem pembelajaran murid
- (a) Huraikan sebab-sebab mengapa konsep pembelajaran ko-operatif itu penting untuk murid-murid sekolah rendah
 - (b) Jelaskan satu contoh sistem pengajaran yang menggunakan pembelajaran ko-operatif
- (25 markah)
4. Sistem pengajaran berasaskan pembelajaran berfikir telah dicadangkan dalam pembaharuan kurikulum KBSR.
- (a) Huraikan ciri-ciri utama sistem tersebut
 - (b) Terangkan bagaimana sistem tersebut dapat diamalkan dalam matapelajaran seperti sains rendah.
- (25 markah)
5. Pemikiran kreatif boleh dipupuk di kalangan murid sekolah rendah dengan strategi-strategi pengajaran yang munasabah
- (a) Jelaskan sifat-sifat utama pemikiran kreatif yang dapat dipupuk dalam pengajaran
 - (b) Huraikan DUA strategi pengajaran yang boleh memupuk daya kreatif murid-murid sekolah rendah
- (25 markah)
6. Pendekatan secara bersistem untuk mengajar kemahiran yang dicadangkan oleh Carkhurff ialah satu model pendekatan yang agak mudah diamalkan.
- Huraikan sistem tersebut berdasarkan:
- (a) isi kandungan pelajaran
 - (b) kaedah mengajar kemahiran
 - (c) pencapaian pengajaran dalam kelas

(25 markah)

- 3 -

7. Sistem taksiran (assessment) yang menyeluruh dan mempunyai akauntabiliti kepada murid, guru, ibubapa dan pentadbir seharusnya mengandungi lima komponen di bawah ini:
- (i) pengujian formatif
 - (ii) pengujian sumatif
 - (iii) penilaian
 - (iv) mendapatkan maklumat bagi ibubapa
 - (v) perkembangan profesional guru

Huraikan kebenaran kenyataan di atas dengan menggunakan contoh-contoh dari pelaksanaan kurikulum KBSR.

(25 markah)

---- ooooo000ooooo ----

